

Prihatin terhadap wajah daif sekolah agama

Oleh MOHAMMAD NOORIZUDDIN NOOH

SESEORANG pernah berkata kepada saya bahawa tugas seorang anak ketika di alam pembelajaran ialah untuk belajar dan tugas ibu bapa atau penjaga pada ketika itu adalah berusaha mencari jalan dan peluang.

Hati saya terdetik apabila melihat kanak-kanak dan remaja menjaja kalendar dan poster-poster ayat-ayat suci al-Quran di kawasan-kawasan rumah kedai di atas nama mencari derma untuk pembiayaan tempat pembelajaran mereka.

Adakah mereka sedang belajar? Ada yang ingin berdebat bahawa mereka sedang belajar ilmu bermuamalat. Perlu diingatkan bahawa ketika menuntut ilmu perlukan konsentrasi dan istiqamah. Jika dicampuradukkan pembelajaran dan perniagaan di atas batu jemala anak-anak kecil itu maka fenomena itu adalah membebankan. Ilmu tidak boleh didagangkan. Apabila ilmu didagangkan maka lihatlah apa yang terjadi. Institusi pendidikan perlu wujud di atas dasar tanggungjawab sosial.

Sebenarnya tugas anak-anak itu ialah untuk belajar dan tugas pihak pengurusan tempat belajar itu ialah untuk mencari pembiayaan. Sungguh tidak berperikemampuan jika anak-anak kecil dipalar untuk mencari sumber kewangan yang pada akhirnya akan menampung pembayaran gaji orang yang kononnya menganjurkan pusat ilmu tersebut.

Sepatutnya anda yang menjual kalendar dan poster-poster tersebut dan undang-undang negara jelas menunjukkan

bahawa kanak-kanak bawah umur tidak boleh terlibat dengan mana-mana aktiviti pekerjaan dan perniagaan kecuali kepunyaan ibu bapa.

Perkara yang paling penting dalam mewujudkan institusi pendidikan berteraskan keagamaan ialah keikhlasan. Tidak lama dahulu saya didatangi seorang bekas pelajar yang berijazah dengan kepujian kelas kedua atas yang kini bekerja sebagai guru di sebuah madrasah di utara tanah air. Beliau datang dengan tujuan mencari pembiayaan untuk tempat tersebut.

Saya bertanya dengan beliau berapakah gaji yang diberikan. Mengejutkan bahawa beliau menerima gaji sepuluh kali ganda rendah daripada gaji guru sekolah rendah namun beliau tetap berkeras untuk tidak meninggalkan tempat tersebut kerana cita-cita beliau adalah untuk melihat tempat tersebut berjaya.

Saya amat berbangga dan terharu dengan cita-cita anak muda berumur 24 tahun tersebut. Tempat tersebut tidak pernah meminta supaya anak-anak muridnya menjual apa-apa produk untuk membiayai kos pengurusan. Perkara yang ingin menyebabkan saya menitiskan air mata ialah melihat gambar tempat tersebut.

Sebaik sahaja saya melihat gambar tempat tersebut saya ingatkan tempat tersebut terletak di Aceh kerana keadaannya begitu daif. Padang sekolahnya botak dan menggunakan buluh sebagai tiang gol. Bola sepaknya bocor dan terpaksa ditampal untuk digunakan setiap petang dan yang paling penting, tiada seorang pun daripada pihak pengurusan yang berharta mewah dan memakai kereta yang menjalar.

Itulah ikhlas ke jalan Allah. Bukannya dengan cara menindas kanak-kanak sedangkan pihak pengurusan ke hulu ke hilir menaiki kenderaan mewah.

Di arus pembangunan yang pesat, manusia sering dilalaikan dengan kemewahan harta benda dan juga pangkat dan rupa. Kita sering dimomokkan dengan kepentingan mempunyai kedudukan yang tinggi dan ingin dihormati oleh rakan seperjuangan.

Oleh yang demikian, kita telah lupa tentang betapa peri pentingnya pendidikan agama di dalam membina sahsiah insan. Apa itu ilmu agama? Saya amat sedih dan kadangkala terkejut mendengar jawapan terhadap persoalan tersebut. Terdapat golongan masyarakat yang menyatakan bahawa ilmu agama ialah tauhid dan ibadah.

Terdapat juga yang hanya menerapkan elemen etika dan tanggungjawab sosial sebagai ilmu agama. Sebenarnya semua ilmu itu adalah ilmu Allah dan sudah menjadi tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini untuk menggunakan ilmu tersebut untuk kebaikan manusia sejagat.

Sebagai contoh, ilmu membuat bahan letupan adalah ilmu Allah dan jika digunakan ke jalan yang baik demi kemakmuran masyarakat seperti untuk meletupkan lombong mencari emas atau arang batu, maka itulah yang sebaik-baiknya tetapi jika ilmu tersebut digunakan untuk membuat mercun, membuat bom ikan, atau mengembom manusia yang tidak bersalah maka itu adalah perbuatan zalim.

Apakah itu zalim? Zalim boleh diperhaluskan sebagai meletakkan sesuatu benda

atau perbuatan di tempat yang tidak sepatutnya.

Agama menuntut kita supaya mencari dan mencintai ilmu dan agama juga menyarankan agar kita senantiasa berada di lingkungan orang-orang yang berilmu. Setiap perbuatan yang kita lakukan adalah satu proses pembelajaran. Cara kita berjalan, makan, duduk, memandu dan berlari adalah merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran kita setiap hari. Ilmu itu tidak akan habis kerana setiap hari manusia mencari jalan untuk memperbaiki keadaan semasa mereka.

Bagaimanakah caranya untuk kita menggunakan ilmu ini ke jalan yang terbaik? Adakah semua ilmu itu boleh membawa kita ke jalan kecemerlangan? Apapun yang kita lakukan, hendaklah kita menamakan niat untuk mencari keredhaan Allah. Cuba kita ambil satu contoh yang mudah. Katakan sepanjang hidup individu A, ilmu yang dia ada hanyalah ilmu memecah rumah. Walaupun pada mata kasar individu A boleh menjadi seorang penjenayah berdasarkan ilmu yang beliau miliki, tetapi jika kita perhalusi secara mendalam, sebenarnya A boleh menjadi penasihat atau jururunding kepada pihak polis ataupun syarikat keselamatan mengenai bagaimana untuk memperteguhkan sistem keselamatan premis.

□ MOHAMMAD NOORIZUDDIN NOOH ialah pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIMK).